



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 38(a)


Hanya dibukakan bagi pemohon daripada kalangan Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat di Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam sahaja.

**PENOLONG PENGARAH (KUMPULAN 2)
JABATAN PENGURUSAN PENDIDIK
KEMENTERIAN PENDIDIKAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Surat Pemberitahuan ini hendaklah dibawa kepada pengetahuan serta perhatian semua Pegawai-Pegawai yang layak untuk memohon

Syarat-Syarat Am:

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon adalah dipelawa daripada Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat di Kementerian atau Jabatan-Jabatan Kerajaan sahaja.
- (C) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (D) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (shift) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.



**PENOLONG PENGARAH
JABATAN PENGURUSAN PENDIDIK
KEMENTERIAN PENDIDIKAN
KUMPULAN 2 (\$5,400 EB KHAS \$5,610 SEBULAN)
KEKOSONGAN = SATU (01)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang *Human Resource Development / Human Resource Management* / Pendidikan atau dalam bidang bersesuaian.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.

2. i) Telah berkhidmat di Kementerian Pendidikan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji Kumpulan 3 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun atau dalam tangga gaji B.3 atau sebanding tidak kurang dari 7 tahun.

ATAU

- ii) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji Kumpulan 3 atau sebanding tidak kurang dari 4 tahun atau dalam tangga gaji B.3 atau sebanding tidak kurang dari 8 tahun.
3. Mempunyai laporan penilaian prestasi di tahap sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Membantu Pengarah dalam mengurus dan mentadbir *Brunei Darussalam Leadership and Teacher Academy (BDLTA)*;
2. Mengetuai *Brunei Darussalam Leadership and Teacher Academy (BDLTA)* dalam menyelaras perancangan perkembangan sumber tenaga manusia warga pendidik iaitu pemimpin sekolah, tenaga pengajar dan pakar pendidikan Kementerian Pendidikan selaras dengan misi, visi dan pensejajaran perancangan strategik Kementerian Pendidikan;



3. Bertanggungjawab dalam merancang dan meneliti inisiatif-inisiatif berkaitan dengan perkembangan profesional warga pendidik bagi memenuhi keperluan Kementerian Pendidikan;
4. Bertanggungjawab untuk mengukuhkan kolaborasi dengan pihak-pihak berkepentingan untuk mencapai visi dan misi serta strategik objektif Kementerian Pendidikan;
5. Bertanggungjawab bagi perancangan dan penyediaan program-program bagi warga pendidik;
6. Bertanggungjawab dalam memastikan program-program perkembangan profesional bagi warga pendidik dilaksanakan berdasarkan pencapaian tahap kompetensi;
7. Bertanggungjawab bagi memantau dan memastikan jaminan kualiti program-program yang dijalankan dengan melaksanakan pemantauan dan penilaian terhadap keberkesanan kursus atau latihan (*training effectiveness*) yang telah diikuti oleh warga pendidik bagi memastikan impak dalam peningkatan dan pencapaian tugas dengan menggunakan mekanisme *Training Evaluation / Post-Training Effectiveness* yang bersesuaian;
8. Bertanggungjawab bagi menilai dan merebiu program-program yang dijalankan untuk penambahbaikan;
9. Menyelaras laporan tahunan bagi perkembangan profesional warga pendidik; dan
10. Tugas-tugas lain yang diarahkan oleh Pengarah Jabatan Pengurusan Pendidik dan pihak atasan yang berkepentingan.